



KENYATAAN MEDIA KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI KES PERTUSSIS (BATUK KOKOL) DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan situasi terkini kes pertussis (batuk kokol) di Malaysia sehingga 19 Ogos 2023.

Pertussis atau batuk kokol adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria iaitu *Bordetella pertussis*. Bakteria ini menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk. Ia boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia. Namun, bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti. Gejala lazim pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh 1 hingga 2 minggu. Ianya boleh berlarutan sehingga 2 bulan. Batuk yang teruk dan berpanjangan ini menyebabkan pesakit menjadi kebiruan (cyanosis) kerana tidak sempat bernafas dan kekurangan oksigen dan seterusnya boleh mengakibatkan sawan. Komplikasi teruk seperti pneumonia (radang paru-paru), encephalopathy (radang otak) dan kematian juga boleh berlaku jika tidak mendapat rawatan awal.

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, tren kes pertussis di Malaysia adalah selari dengan situasi global yang menunjukkan penurunan kes semasa pandemik COVID-19 (2020 – 2021) ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa tetapi meningkat semula setelah PKP dilonggarkan. Walau bagaimanapun peningkatan yang berlaku selepas pelonggaran PKP ini adalah lebih rendah berbanding purata tahunan bilangan kes sebelum pandemik COVID-19. Ini menunjukkan bahawa jangkitan pertussis semasa di negara ini adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

Pada tahun ini, sehingga **19 Ogos 2023** sebanyak 329 kes Pertussis dengan 23

kematian telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Jika dibandingkan bagi tempoh yang sama iaitu sehingga 19 Ogos pada tahun 2019, sebanyak 697 kes dicatatkan (iaitu penurunan sebanyak 52.8%). Daripada 329 kes pertussis yang dilaporkan, 219 kes (66.6%) adalah warganegara manakala 110 kes (33.4%) lagi merupakan bukan warganegara. Bayi berumur bawah 12 bulan adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 189 kes (57.4%). Kanak-kanak berumur di antara 1 tahun hingga hingga 10 tahun mencatat sebanyak 94 kes (28.6%) dan selebihnya berumur 11 tahun dan ke atas.

Pecahan kes bagi tahun 2023 sehingga 19 Ogos 2023 mengikut negeri adalah seperti berikut: Sabah 181 kes, Selangor 51 kes, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya 15 kes, Pahang dan Perak masing-masing 13 kes, Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing 12 kes, Johor 9 kes, Sarawak 8 kes, Kelantan 7 kes, Kedah dan Terengganu masing-masing 3 kes, serta Pulau Pinang dan WP Labuan masing-masing satu kes. Tiada kes dilaporkan di Perlis.

Baru-baru ini, tular mengenai kejadian wabak pertussis di daerah Rompin, Pahang. Seperti yang dimaklumkan melalui Kenyataan Media Pengarah Kesihatan Negeri Pahang bertarikh 17 Ogos 2023, terdapat tiga kes dari sebuah keluarga di daerah Rompin yang telah disahkan mengalami penyakit pertussis, iaitu melibatkan dua orang anak dan ibu mereka. Kesemua kes telah diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil. Tiada kes baru yang dikesan di sekitar kawasan tempat tinggal kes.

Walaupun jangkitan adalah terkawal, KKM sentiasa berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pertussis terus terkawal dan tidak menjadi masalah kesihatan utama di negara ini. Keutamaan KKM adalah untuk memastikan liputan imunisasi pertussis di kalangan kanak-kanak di negara ini kekal melebihi 95% untuk memastikan golongan ini dilindungi daripada mendapat jangkitan. Kanak-kanak terutama bayi adalah kumpulan yang rentan kepada jangkitan pertussis. Sehubungan dengan itu, ibu bapa digesa untuk memastikan anak-anak mendapatkan imunisasi yang lengkap mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan. Di Malaysia, vaksin pertussis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan. Ia diberikan dalam bentuk vaksin

kombinasi enam serangkai difteria – tetanus – pertussis – polio – Hepatitis B – Haemophilus influenzae type b. Kanak-kanak yang tercicir imunisasi boleh dibawa ke Klinik Kesihatan yang berhampiran bagi melengkapkan imunisasi mereka.

Individu yang bergejala perlu sentiasa mengamalkan etika batuk dan bersin iaitu dengan menutup mulut dan diikuti dengan mencuci tangan bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain terutama kepada kanak-kanak. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala pertussis.

DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Ogos 2023